

Bil. S 15

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN), 2021

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
2. Pemasukan bab 7A baru ke dalam Penggal 6

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN), 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Mahkamah Rendah (Pindaan), 2021.

Pemasukan bab 7A baru ke dalam Penggal 6

2. Akta Mahkamah Rendah adalah dipinda sejurus selepas bab 7 dengan memasukkan bab baru yang berikut —

“Menjalankan pendengaran melalui cara elektronik

7A. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa peruntukan Akta ini, Mahkamah Rendah boleh menjalankan pendengaran mengenai apa-apa perkara atau prosiding melalui sambungan video langsung, sambungan televisyen langsung atau apa-apa cara elektronik komunikasi lain di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam dengan arahan, yang mungkin bersifat umum atau khusus, sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Ketua Hakim.

(2) Ceraian (1) tidak menjejaskan penjalanan bab 60A dari Akta Keterangan (Penggal 108) dan bab-bab 236B, 236C, 236D dan 236E dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).”.

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1442 bersamaan dengan 27 haribulan Mei, 2021 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**